

24 NOVEMBER 2017

## Cadangan mansuh hukuman mati kes dadah

### Cadangan mansuh hukuman mati kes dadah

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan membentangkan Rang Undang-Undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat di sini semalam.

Bacaan kali pertama itu dibuat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said di hadapan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia.

Menurut Azalina, pindaan itu melibatkan cadangan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori di bawah Seksyen 39B Akta 234 dengan membolehkan

mahkamah menggunakan budi bicara dalam menentukan hukuman ke atas pesalah dadah.

"Kuasa budi bicara mahkamah hanya tertakluk untuk menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup dan tidak kurang 15 kali sebatan terhadap pesalah selepas mahkamah mengambil kira keadaan-keadaan tertentu.

"Bagaimanapun, hukuman mati mandatori masih perlu dikekalkan untuk memberi gambaran jelas bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dengan mereka yang mengedar dadah," katanya.